

MEMPERKASAKAN BUDAYA BERFIKIR ISLAM: SUATU ANALISIS

Oleh:
Rahimin Affandi Abd. Rahim

Abstract

Basically this article focusses upon the concept of Islamic thinking that has been elucidated by many Muslim scholars. The discussion is divided into several sections, namely the historical analysis of the degeneration and renewal of Muslim intellectual tradition pertaining to the nature of Islamic thinking, the Muslim concept of thinking and its connection with the reformation movement and finally the obstacle toward the prolongation of Islamic thinking in the modern world.

Pendahuluan

Dewasa ini, Islam sering dikaitkan dengan segala nisbah keburukan yang tidak terfikir oleh akal yang waras. Usaha ini pada mulanya telah disebarkan oleh sarjana dan media Barat¹ dan apa yang paling dikesalkan ia telah turut disokong kuat oleh kalangan sarjana dan pemerintah umat Islam sendiri.² Di Malaysia sendiri, fenomena ini

¹ Sebagai contohnya, selepas kejatuhan kuasa Rusia, Barat telah melihat dan menganggap Islam sebagai musuh utama mereka yang digambarkan sebagai "the evil empire". Lihat Fawaz A. Gerges, *America and Political Islam, Clash of Cultures or Clash of Interest*, Cambridge, 1999, hlm. xiii.

² Asep Syamsul M. Romli, *Demonologi Islam: Upaya Barat Membasmi Kekuatan Islam*, Jakarta, 2000, hlm. 8-19.

telah mula dirasakan pengaruhnya apabila baru-baru ini telah diadakan suatu wacana ilmiah dengan menjadikan tema penutupan minda umat Melayu Islam sebagai asas perbincangan utama.³ Seperti dijangkakan, di dalam wacana ini terdapat beberapa suara sumbang dari pembentang yang mengaitkan kemunduran umat Melayu hanya kerana ajaran Islam semata-mata. Hal ini telah diungkap dengan cukup baik oleh Sidek Fadzil, dengan katanya:

“gejala-gejala ketertutupan minda memang ada. Tetapi dalam banyak paparan ia selalu diperlihatkan sebagai masalah eksklusif golongan Islamik. Walhal ia wujud di mana-mana, termasuk dalam kalangan kelompok yang menamakan diri sebagai nasionalis. Sikap alergik terhadap apa-apa sahaja yang berbau Islam jelas menayangkan hakikat bahawa mereka juga sebenarnya merupakan penderita penyakit ketertutupan minda. Yang dipermasalahkan sebenarnya bukanlah ketertutupan itu sendiri, tetapi ketertutupan terhadap kebenaran.”⁴

Oleh sebab itu, dengan mengambilkira permasalahan ini, artikel ini akan cuba mengulas dan menilai pandangan yang negatif terhadap Islam ini dengan menumpukan perhatian terhadap gagasan dan usaha untuk memperkasakan budaya berfikir Islam yang sepatutnya diterapkan ke dalam masyarakat Islam amnya dan institusi pendidikan Islam khususnya. Ianya dirangka khusus mengandungi beberapa bahagian utama:

- (1) Kebangkitan dan kejatuhan budaya berfikir Islam: suatu analisa sejarah
- (2) Konsep budaya berfikir Islam: suatu analisa
- (3) Halangan ke arah kewujudan budaya berfikir Islam

³ *Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, pada 29-31 Januari 2002.

⁴ Sidek Fadzil, “Minda Muslim: Ketegaran dan Keluwesannya”, dalam *Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, pada 29-31 Januari 2002, hlm. 1.

Kebangkitan dan Kejatuhan Budaya Berfikir Islam: Suatu Analisa Sejarah

Pada pandangan penulis, sebarang perbincangan yang menyentuh sebarang konsep penting di dalam Islam, seperti konsep berfikir ini, perlu dilihat dari perspektif sejarahnya, demi untuk melihat dengan lebih luas lagi tentang asal-usul, perkembangan serta sumbangan sesuatu konsep tersebut sama ada positif ataupun negatif terhadap perkembangan intelektual dunia.⁵ Apa yang lebih penting lagi, penganalisaan peristiwa sejarah ini akan cuba mengelakkan pembentangan fakta yang bersifat nostalgia semata-mata, dan akan cuba melihatnya secara teliti dan objektif, dengan harapan kesimpulan dan intipati terpenting daripada peristiwa sejarah keagungan dan kejatuhan tamadun intelektual Islam dapat dicerakinkan dengan cukup teliti yang seterusnya akan diterapkan untuk manfaat ummah Islam.

Sebagai landasan teori untuk perbincangan ini, penganalisaan terhadap perkembangan budaya berfikir Islam secara menyeluruh dan holistik, perlu dinilai dan dilihat secara positif,⁶ terbuka dan menerima pakai konsep jatuh bangunnya sesuatu tamadun dunia.

Dalam gagasan konsep ini, jatuh dan bangunnya sesuatu tamadun intelektual dan material manusia bergantung sepenuhnya kepada amalan budaya ilmu yang diamalkan oleh masyarakat yang terbabit.⁷ Hal yang sama juga perlu dikaitkan dengan tamadun Islam, di mana kebangkitan dan kemunduran tamadun umat Islam bergantung sepenuhnya kepada amalan budaya ilmu dan

⁵ Maklumat lanjut tentang pendekatan ini boleh didapati dlm. Muhammad Yusoff Hashim, *Pensejarahan Melayu: Kajian Terhadap Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 1-3 dan Muhammad Natsir Mahmud, *Orientalisme: al-Qur'an di Mata Barat*, Semarang, 1997, hlm. 68-69.

⁶ Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia*, Jakarta, 1997, hlm. 26-29.

⁷ Lihat sebagai contohnya kupasan yang diberikan oleh Wan Mohd Nor Wan Daud, "Budaya Ilmu Sebagai Asas Pembangunan Tamadun", dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, v. 3, bil. 1, 1990, hlm. 51-67.

penghayatan Islam sepenuhnya.⁸

Sejak awal kedatangan Islam dengan perutusan Nabi Muhammad kepada masyarakat Arab jahiliah,⁹ kita dapat melihat bagaimana gerakan intelektual yang menekankan kepentingan ilmu dan penggunaan akal yang sihat telah berlaku dengan cukup mengalakkan sekali. Hal ini turut diakui sendiri oleh kalangan sarjana Barat sendiri yang terkenal dengan sifat anti Islam yang cukup kuat.¹⁰

Benih yang diasaskan oleh Rasulullah ini kemudiannya telah dikembangkan dengan cukup positif sekali oleh sarjana Islam sehingga sampai ke kemuncaknya pada zaman pemerintahan kerajaan Bani Abbasiyah.¹¹ Sejarah dunia telah mencatatkan bagaimana di zaman kecemerlangannya, tamadun umat Islam telah menjadi pusat politik, ekonomi¹² dan keilmuan sedunia yang merangkumi keilmuan secara teoretikal dan praktikal, yang kemudiannya menyebabkan masyarakat bukan Islam berkunjung ke pusat-pusat ini untuk menimba ilmu pengetahuan bagi kegunaan masyarakat luar yang pada masa itu masih lagi berada di dalam zaman kegelapan (*dark ages*).¹³

Di dalam menelusuri punca kegemilangan tamadun intelektual umat Islam ini kita dapat mengesan beberapa punca yang utama, pertamanya, penekanan Islam melalui sumber Qur'an dan sunnah tentang kepentingan budaya ilmu untuk kehidupan manusia di

⁸ Hashim Musa, *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*, Kuala Lumpur, 2001, hlm. 18-21.

⁹ Al-Nadawī, *Sīrah al-Nabawīyah*, Jeddah, 1981, hlm. 54-55.

¹⁰ Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Orientalisme dan Keutuhan Ummah Islam: Satu Analisis", dalam *Jurnal Syariah*, 9:1 [2001], hlm. 36-39.

¹¹ Fadzulullah Hj. Shuib, *Kecemerlangan Ilmu Dalam Sejarah dan Tamadun Islam*, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 48-57.

¹² Ozay Mehmet, *Islamic Identity and Development: Studies of Islamic Periphery*, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 36-38.

¹³ Mahmud Hamdi Zaquq, *Orientalisme: Kesan Pemikirannya Terhadap Tamadun Islam*, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 10-20.

dunia dan akhirat.

Apa yang jelasnya, di zaman keunggulan tamadun Islam, umat Islam telah dikesan mengamalkan budaya ilmu yang agak tinggi. Pengamalan budaya ilmu ini merujuk kepada beberapa perkara, pertamanya, tindakan menjadikan pencarian ilmu sebagai suatu usaha yang berharga nilainya seperti pencarian harta sehingga ianya dianggap sebagai matlamat hidup yang utama. Keduanya, usaha di dalam sesuatu tindakan yang diputuskan dengan perkiraan ilmu tanpa campurtangan dari golongan yang mempunyai kepentingan politik. Keadaan ini menyebabkan seseorang ulama itu dapat bertindak secara bebas tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak yang mempunyai agenda dan kepentingan tertentu.¹⁴ Ketiganya, bersikap terbuka terhadap semua jenis ilmu tanpa mengira asal usul dan jenisnya dan keempatnya, analisis kritikal yang dilakukan terhadap ilmu tanpa adanya sifat fanatik kepada seseorang guru. Sikap ini jelas dengan terhasilnya kegiatan dalilog intelektual¹⁵ yang diiringi dengan penyelidikan yang begitu giat dijalankan sehingga melahirkan sejumlah besar karya-karya sintesis yang bermutu¹⁶ yang kekal penggunaannya sehingga pada masa sekarang.

Pengamalan budaya ilmu ini turut membabitkan dengan bentuk penghayatan Islam sepenuhnya yang diamalkan, rata-ratanya masyarakat Islam pada masa ini telah berpegang kepada *world-view* dan paradigma Islam sejati menggantikan paradigma jahiliah seperti mana diasaskan oleh Rasulullah.¹⁷

¹⁴ Pendekatan menjadikan sistem pengajian Islam sebagai sebuah institusi bebas (swasta) telah pun diamalkan oleh ulama salaf Islam, lihat Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Hubungan Antara Ulama dan Pemerintah di Dalam Sejarah Tamadun Umat Islam", dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, v. 4, 1994.

¹⁵ Muhammad Abdul Rauf, *The Muslim Mind: A Study of the Intellectual Muslim Life During the Classical Era (101-700H)*, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 43-49.

¹⁶ Abdullah Alwi Haji Hassan, "Penyelidikan Sebagai Asas Kemantapan Pengajian Syariah", dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 15-19.

¹⁷ Zakaria Stapa, *Masyarakat Islam dan Isu Semasa*, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 43-49.

Manakala punca yang kedua adalah penekanan al-Qur'an tentang kepentingan mengamalkan budaya berfikir yang sihat dan positif. Para sarjana Islam di dalam meneliti kandungan Qur'an telah mendapati ianya penuh berisi dengan intipati pemikiran ilmiah¹⁸ yang menekankan peri pentingnya penolakan taqlid membuta tuli,¹⁹ perintah supaya berfikir,²⁰ memerhati kejadian alam,²¹ memeriksa kesahihan sesuatu yang disampaikan oleh orang lain,²² galakan untuk berfikir bersesuaian dengan hukum alam dan bukannya secara tahyul,²³ kutukan terhadap sikap yang melandaskan pemikiran kepada hawa nafsu dan bukannya kepada kebenaran²⁴ dan banyak lagi. Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa berpandukan pemahaman terhadap pendekatan ilmiah ala Qur'an ini sarjana Islam telah memperkembangkan pendekatan ilmiah Islam, yang bermula dengan penerapannya di dalam ilmu hadis²⁵ dan kemudiannya dikembangkan lagi ke dalam bidang-bidang kajian ilmu-ilmu Islam lain,²⁶ termasuklah sebagai contohnya di dalam ilmu *Uṣūl al-Fiqh*.²⁷

Bertitik-tolak kepada premis kelemahan dan keterbatasan akal manusia, sarjana Islam telah cuba memperlengkapkan kelemahan ini yang bakal menjejaskan proses interaksi dan pemahaman terhadap kandungan sumber wahyu dengan penyusunan ilmu *Uṣūl*

¹⁸ Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, *Epistemologi Islam; Teori Ilmu Dalam al-Quran*, Kuala Lumpur, 1999, hlm. 2-3.

¹⁹ Qur'an 2:170; 43:23; 17:36 dan 24:15-17.

²⁰ Qur'an 22:46 dan 30:8.

²¹ Qur'an 4:82.

²² Qur'an 4:83.

²³ Qur'an 33:43 dan 33:38.

²⁴ Qur'an 18:15; 17:36; 53:23 dan 53:28.

²⁵ Akram Diya' al-Umari, *Madinan Society at the Time of the Prophet*, terj. Huda Khattab, Virginia, 1995, hlm. 23-30.

²⁶ Majid Fakhri, *Sejarah Falsafah Islam*, Kuala Lumpur, 1989, hlm. xviii-xix.

²⁷ Omar Awang, "Some Observations on the Notion of the Shariah in Islam", dalam *Jurnal ISLAMIKA*, v. IV, 1991, hlm. 9-10.

MEMPERKASAKAN BUDAYA BERFIKIR ISLAM: SUATU ANALISIS

Oleh:
Rahimin Affandi Abd. Rahim

Abstract

Basically this article focusses upon the concept of Islamic thinking that has been elucidated by many Muslim scholars. The discussion is divided into several sections, namely the historical analysis of the degeneration and renewal of Muslim intellectual tradition pertaining to the nature of Islamic thinking, the Muslim concept of thinking and its connection with the reformation movement and finally the obstacle toward the prolongation of Islamic thinking in the modern world.

Pendahuluan

Dewasa ini, Islam sering dikaitkan dengan segala nishbah keburukan yang tidak terfikir oleh akal yang waras. Usaha ini pada mulanya telah disebarkan oleh sarjana dan media Barat¹ dan apa yang paling dikesalkan ia telah turut disokong kuat oleh kalangan sarjana dan pemerintah umat Islam sendiri.² Di Malaysia sendiri, fenomena ini

¹ Sebagai contohnya, selepas kejatuhan kuasa Rusia, Barat telah melihat dan menganggap Islam sebagai musuh utama mereka yang digambarkan sebagai "the evil empire". Lihat Fawaz A. Gerges, *America and Political Islam, Clash of Cultures or Clash of Interest*, Cambridge, 1999, hlm. xiii.

² Asep Syamsul M. Romli, *Demonologi Islam: Upaya Barat Membasmi Kekuatan Islam*, Jakarta, 2000, hlm. 8-19.

telah mula dirasakan pengaruhnya apabila baru-baru ini telah diadakan suatu wacana ilmiah dengan menjadikan tema penutupan minda umat Melayu Islam sebagai asas perbincangan utama.³ Seperti dijangkakan, di dalam wacana ini terdapat beberapa suara sumbang dari pembentang yang mengaitkan kemunduran umat Melayu hanya kerana ajaran Islam semata-mata. Hal ini telah diungkap dengan cukup baik oleh Sidek Fadzil, dengan katanya:

“gejala-gejala ketertutupan minda memang ada. Tetapi dalam banyak paparan ia selalu diperlihatkan sebagai masalah eksklusif golongan Islamik. Walhal ia wujud di mana-mana, termasuk dalam kalangan kelompok yang menamakan diri sebagai nasionalis. Sikap alergik terhadap apa-apa sahaja yang berbau Islam jelas menayangkan hakikat bahawa mereka juga sebenarnya merupakan penderita penyakit ketertutupan minda. Yang dipermasalahkan sebenarnya bukanlah ketertutupan itu sendiri, tetapi ketertutupan terhadap kebenaran.”⁴

Oleh sebab itu, dengan mengambilkira permasalahan ini, artikel ini akan cuba mengulas dan menilai pandangan yang negatif terhadap Islam ini dengan menumpukan perhatian terhadap gagasan dan usaha untuk memperkasakan budaya berfikir Islam yang sepatutnya diterapkan ke dalam masyarakat Islam amnya dan institusi pendidikan Islam khususnya. Ianya dirangka khusus mengandungi beberapa bahagian utama:

- (1) Kebangkitan dan kejatuhan budaya berfikir Islam: suatu analisa sejarah
- (2) Konsep budaya berfikir Islam: suatu analisa
- (3) Halangan ke arah kewujudan budaya berfikir Islam

³ *Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, pada 29-31 Januari 2002.

⁴ Sidek Fadzil, “Minda Muslim: Ketegaran dan Keluwesannya”, dalam *Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, pada 29-31 Januari 2002, hlm. 1.

Kebangkitan dan Kejatuhan Budaya Berfikir Islam: Suatu Analisa Sejarah

Pada pandangan penulis, sebarang perbincangan yang menyentuh sebarang konsep penting di dalam Islam, seperti konsep berfikir ini, perlu dilihat dari perspektif sejarahnya, demi untuk melihat dengan lebih luas lagi tentang asal-usul, perkembangan serta sumbangan sesuatu konsep tersebut sama ada positif ataupun negatif terhadap perkembangan intelektual dunia.⁵ Apa yang lebih penting lagi, penganalisaan peristiwa sejarah ini akan cuba mengelakkan pembentangan fakta yang bersifat nostalgia semata-mata, dan akan cuba melihatnya secara teliti dan objektif, dengan harapan kesimpulan dan intipati terpenting daripada peristiwa sejarah keagungan dan kejatuhan tamadun intelektual Islam dapat dicerakinkan dengan cukup teliti yang seterusnya akan diterapkan untuk manfaat ummah Islam.

Sebagai landasan teori untuk perbincangan ini, penganalisaan terhadap perkembangan budaya berfikir Islam secara menyeluruh dan holistik, perlu dinilai dan dilihat secara positif,⁶ terbuka dan menerima pakai konsep jatuh bangunnya sesuatu tamadun dunia.

Dalam gagasan konsep ini, jatuh dan bangunnya sesuatu tamadun intelektual dan material manusia bergantung sepenuhnya kepada amalan budaya ilmu yang diamalkan oleh masyarakat yang terbabit.⁷ Hal yang sama juga perlu dikaitkan dengan tamadun Islam, di mana kebangkitan dan kemunduran tamadun umat Islam bergantung sepenuhnya kepada amalan budaya ilmu dan

⁵ Maklumat lanjut tentang pendekatan ini boleh didapati dlm. Muhammad Yusoff Hashim, *Pensejarahan Melayu: Kajian Terhadap Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 1-3 dan Muhammad Natsir Mahmud, *Orientalisme: al-Qur'an di Mata Barat*, Semarang, 1997, hlm. 68-69.

⁶ Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia*, Jakarta, 1997, hlm. 26-29.

⁷ Lihat sebagai contohnya kupasan yang diberikan oleh Wan Mohd Nor Wan Daud, "Budaya Ilmu Sebagai Asas Pembangunan Tamadun", dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, v. 3, bil. 1, 1990, hlm. 51-67.

penghayatan Islam sepenuhnya.⁸

Sejak awal kedatangan Islam dengan perutusan Nabi Muhammad kepada masyarakat Arab jahiliah,⁹ kita dapat melihat bagaimana gerakan intelektual yang menekankan kepentingan ilmu dan penggunaan akal yang sihat telah berlaku dengan cukup mengalakkan sekali. Hal ini turut diakui sendiri oleh kalangan sarjana Barat sendiri yang terkenal dengan sifat anti Islam yang cukup kuat.¹⁰

Benih yang diasaskan oleh Rasulullah ini kemudiannya telah dikembangkan dengan cukup positif sekali oleh sarjana Islam sehingga sampai ke kemuncaknya pada zaman pemerintahan kerajaan Bani Abbasiyah.¹¹ Sejarah dunia telah mencatatkan bagaimana di zaman kecemerlangannya, tamadun umat Islam telah menjadi pusat politik, ekonomi¹² dan keilmuan sedunia yang merangkumi keilmuan secara teoretikal dan praktikal, yang kemudiannya menyebabkan masyarakat bukan Islam berkunjung ke pusat-pusat ini untuk menimba ilmu pengetahuan bagi kegunaan masyarakat luar yang pada masa itu masih lagi berada di dalam zaman kegelapan (*dark ages*).¹³

Di dalam menelusuri punca kegemilangan tamadun intelektual umat Islam ini kita dapat mengesan beberapa punca yang utama, pertamanya, penekanan Islam melalui sumber Qur'an dan sunnah tentang kepentingan budaya ilmu untuk kehidupan manusia di

⁸ Hashim Musa, *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*, Kuala Lumpur, 2001, hlm. 18-21.

⁹ Al-Nadawī, *Sirah al-Nabawiyah*, Jeddah, 1981, hlm. 54-55.

¹⁰ Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Orientalisme dan Keutuhan Ummah Islam: Satu Analisis", dalam *Jurnal Syariah*, 9:1 [2001], hlm. 36-39.

¹¹ Fadzulillah Hj. Shuib, *Kecemerlangan Ilmu Dalam Sejarah dan Tamadun Islam*, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 48-57.

¹² Ozay Mehmet, *Islamic Identity and Development: Studies of Islamic Periphery*, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 36-38.

¹³ Mahmud Hamdi Zaquzuq, *Orientalisme: Kesan Pemikirannya Terhadap Tamadun Islam*, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 10-20.

dunia dan akhirat.

Apa yang jelasnya, di zaman keunggulan tamadun Islam, umat Islam telah kesian mengamalkan budaya ilmu yang agak tinggi. Pengamalan budaya ilmu ini merujuk kepada beberapa perkara, pertamanya, tindakan menjadikan pencarian ilmu sebagai suatu usaha yang berharga nilainya seperti pencarian harta sehingga ianya dianggap sebagai matlamat hidup yang utama. Keduanya, usaha di dalam sesuatu tindakan yang diputuskan dengan perkiraan ilmu tanpa campurtangan dari golongan yang mempunyai kepentingan politik. Keadaan ini menyebabkan seseorang ulama itu dapat bertindak secara bebas tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak yang mempunyai agenda dan kepentingan tertentu.¹⁴ Ketiganya, bersikap terbuka terhadap semua jenis ilmu tanpa mengira asal usul dan jenisnya dan keempatnya, analisis kritikal yang dilakukan terhadap ilmu tanpa adanya sifat fanatik kepada seseorang guru. Sikap ini jelas dengan terhasilnya kegiatan dalilog intelektual¹⁵ yang diiringi dengan penyelidikan yang begitu giat dijalankan sehingga melahirkan sejumlah besar karya-karya sintesis yang bermutu¹⁶ yang kekal penggunaannya sehingga pada masa sekarang.

Pengamalan budaya ilmu ini turut membabitkan dengan bentuk penghayatan Islam sepenuhnya yang diamalkan, rata-ratanya masyarakat Islam pada masa ini telah berpegang kepada *world-view* dan paradigma Islam sejati menggantikan paradigma jahiliah seperti mana diasaskan oleh Rasulullah.¹⁷

¹⁴ Pendekatan menjadikan sistem pengajian Islam sebagai sebuah institusi bebas (swasta) telah pun diamalkan oleh ulama salaf Islam, lihat Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Hubungan Antara Ulama dan Pemerintah di Dalam Sejarah Tamadun Umat Islam", dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, v. 4, 1994.

¹⁵ Muhammad Abdul Rauf, *The Muslim Mind: A Study of the Intellectual Muslim Life During the Classical Era (101-700H)*, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 43-49.

¹⁶ Abdullah Alwi Haji Hassan, "Penyelidikan Sebagai Asas Kemantapan Pengajian Syariah", dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 15-19.

¹⁷ Zakaria Stapa, *Masyarakat Islam dan Isu Semasa*, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 43-49.

Manakala punca yang kedua adalah penekanan al-Qur'an tentang kepentingan mengamalkan budaya berfikir yang sihat dan positif. Para sarjana Islam di dalam meneliti kandungan Qur'an telah mendapati ianya penuh berisi dengan intipati pemikiran ilmiah¹⁸ yang menekankan peri pentingnya penolakan taqlid membuta tuli,¹⁹ perintah supaya berfikir,²⁰ memerhati kejadian alam,²¹ memeriksa kesahihan sesuatu yang disampaikan oleh orang lain,²² galakan untuk berfikir bersesuaian dengan hukum alam dan bukannya secara tahyul,²³ kutukan terhadap sikap yang melandaskan pemikiran kepada hawa nafsu dan bukannya kepada kebenaran²⁴ dan banyak lagi. Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa berpandukan pemahaman terhadap pendekatan ilmiah ala Qur'an ini sarjana Islam telah memperkembangkan pendekatan ilmiah Islam, yang bermula dengan penerapannya di dalam ilmu hadis²⁵ dan kemudiannya dikembangkan lagi ke dalam bidang-bidang kajian ilmu-ilmu Islam lain,²⁶ termasuklah sebagai contohnya di dalam ilmu *Uşûl al-Fiqh*.²⁷

Bertitik-tolak kepada premis kelemahan dan keterbatasan akal manusia, sarjana Islam telah cuba memperlengkapkan kelemahan ini yang bakal menjejaskan proses interaksi dan pemahaman terhadap kandungan sumber wahyu dengan penyusunan ilmu *Uşûl*

¹⁸ Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, *Epistemologi Islam; Teori Ilmu Dalam al-Quran*, Kuala Lumpur, 1999, hlm. 2-3.

¹⁹ Qur'an 2:170; 43:23; 17:36 dan 24:15-17.

²⁰ Qur'an 22:46 dan 30:8.

²¹ Qur'an 4:82.

²² Qur'an 4:83.

²³ Qur'an 33:43 dan 33:38.

²⁴ Qur'an 18:15; 17:36; 53:23 dan 53:28.

²⁵ Akram Diya' al-Umari, *Madinan Society at the Time of the Prophet*, terj. Huda Khattab, Virginia, 1995, hlm. 23-30.

²⁶ Majid Fakhri, *Sejarah Falsafah Islam*, Kuala Lumpur, 1989, hlm. xviii-xix.

²⁷ Omar Awang, "Some Observations on the Notion of the Shariah in Islam", dalam *Jurnal ISLAMIKA*, v. IV, 1991, hlm. 9-10.

al-Fiqh,²⁸ yang antara lainnya (i) menyusun cara yang terbaik untuk proses berfikir berpandukan nas-nas daripada sumber wahyu, (ii) memilih keutamaan yang terbaik di antara sebahagian keutamaan yang ada, (iii) cara yang paling betul untuk menganalisis kandungan teks²⁹ dan sebagainya. Sebagai contohnya, walaupun fuqaha mengakui otoriti sesuatu sumber hukum tambahan yang bersumberkan akal (ijtihad) seperti *Ra'y*, *Istihsān*, *Maṣlahah*, *Qiyās*, *'Urf*; tetapi penggunaan konsep-konsep ini perlu dilandaskan kepada kaedah dan syarat-syarat yang agak ketat.³⁰ Hal ini dibuat bagi mengelakkan campur tangan golongan bukan fuqaha yang tidak mempunyai keilmuan Islam sejati untuk sama-sama merumuskan sesuatu pandangan tentang syariah yang bakal merosakkan syariah Islam itu sendiri.³¹

Pendedahan fuqaha awal dengan ilmu falsafah warisan Yunani yang kaya dengan perkaedahan ilmiah³² seperti perbincangan tentang saluran pemerolehan ilmu dan tahap-tahap pemerresapan ilmu,³³ berserta dengan ilmu mantik,³⁴ secara jelas telah membantu fuqaha ini mengambil sikap yang selektif dan seterusnya

²⁸ Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, *Epistemologi Islam*, hlm. 14.

²⁹ Dr. Louay Safi, *Asas-asas Ilmu Pengetahuan: Satu Kajian Perbandingan Kaedah-kaedah Penyelidikan Islam dan Barat*, terj. Nur Hadi Ihsan, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 39-74.

³⁰ Lihat sebagai contohnya Mohd. Saleh Haji Ahmad, *Pengantar Syariat Islam*, Kuala Lumpur, 1999, hlm. 118-134.

³¹ Sila lihat pandangan sarjana Islam yang menempelak cubaan Kasim Ahmad yang memang jahil dengan perundangan Islam untuk memberikan tafsiran terhadap syariah Islam. Lihat Fakulti Pengajian Islam UKM, *Jawapan Kepada Buku Hadith Satu Penilaian Semula*, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 1-4.

³² Maklumat lanjut boleh didapati dalam Fadzlullah Haji Shuib, *Kecemerlangan Ilmu*, hlm. 48-57.

³³ Maklumat lanjut tentang kedua kaedah ini boleh didapati dalam Hashim Musa, *Falsafah, Logik, Teori Nilai dan Etika Melayu: Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur, 2001, hlm. 10-14.

³⁴ Mat Rofa Ismail, *Mantik Dalam Babak Pemikiran Ilmiah Tamadun Manusia*, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 1-27.

menerapkan pendekatan ilmiah ini dengan beberapa pembaikan yang terbaik ke dalam genre penulisan *Uṣūl al-Fiqh*.³⁵

Mustafa Abd. Razak dalam soal ini telah menegaskan bahawa memandangkan ajaran Islam menganjurkan penggunaan dan pemanfaatan akal untuk mengemukakan dalil dan hujah dalam perbincangan ilmiah, maka pendekatan ini yang kebetulan intipatinya diperolehi melalui pertembungan dengan ilmu falsafah Yunani telah diterapkan di dalam ilmu *Uṣūl al-Fiqh*. Selanjutnya, beliau mengatakan bahawa sungguhpun ilmu *Uṣūl al-Fiqh* ini bersumberkan Qur'an dan sunnah, tetapi ia tetap tidak dapat mengelakkan diri dari membabitkan penggunaan kaedah berfikir dan berhujah dengan dalil-dalil akal, disamping menggunakan dalil-dalil dari sumber wahyu.³⁶

Gabungan yang kukuh di antara sumber wahyu dan akal, ditambah pula dengan kaedah ilmiah yang dipakai dalam bidang falsafah ini telah menjadikan ilmu *Uṣūl al-Fiqh* sebagai ilmu yang paling berguna untuk tujuan pengkajian ilmiah³⁷ dan hal ini telah diakui sendiri oleh kebanyakan sarjana Islam, termasuklah kalangan sarjana Barat sendiri.³⁸

Kerangka epistemologi Islam yang menyusun kaedah yang sistematik untuk penggunaan akal yang betul dan diredai Allah ini telah dapat dimanfaatkan oleh banyak sarjana moden. Sebagai contohnya, terdapat beberapa sarjana moden seperti S. Waqar Ahmed Husaini dan Abdul Hamid Abu Sulayman yang telah melakukan kajian ilmiah terhadap persoalan agama dan bukan agama dengan menggunakan skema ilmu *Uṣūl al-Fiqh* ini yang

³⁵ Mohd Fauzi Hamat, "Penghasilan Karya Sintesis Antara Mantik dan *Uṣūl al-Fiqh*: rujukan kepada *Kitāb al-Mustasfā Min 'Ilm al-Uṣūl*", dalam *Jurnal AFKAR*, bil. 1, 2000, hlm. 126-137.

³⁶ Mustāfa 'Abd. Rāziq, *Tamhīd li Tārīkh al-Falsafah al-Islāmiyyah*, Kaherah, 1966, hlm. 27, 101-123 dan 124-135.

³⁷ Lihat Rahimin Affandi Abdul Rahim, "Etika Penyelidikan Islam: Satu Analisa", dalam *Jurnal AFKAR*, bil. 1, 2000, hlm. 188-190.

³⁸ W. Hallaq, "Uṣūl al-Fiqh: Beyond Tradition", dalam *Journal of Islamic Studies*, v. 3(2), 1992, hlm. 185-186.

diakui oleh kedua sarjana ini sebagai skema penyelesaian masalah yang cukup berkesan sekali.³⁹

Kegemilangan tamadun ini sayangnya tidak kekal lama. Hal ini berlaku berpunca dari sikap kelalaian umat Islam sendiri untuk berpegang kepada kedua-dua sumber kekuatan yang telah dijelaskan sebelumnya. Secara jelas kita dapat melihat perubahan yang nyata daripada amalan taqlid yang telah diterima pakai menggantikan amalan budaya ilmu dan juga pengamalan Islam dalam bentuk yang tercemar dengan segala bentuk perkara khurafat dan bid'ah.⁴⁰ Peninggalan dan perubahan terhadap kedua-dua sumber kekuatan ini kemudiannya mengakibatkan kemunduran intelektual dan kejatuhan kekuasaan politik umat yang dijajah oleh kuasa penjajah Barat.⁴¹

Seterusnya, sikap beku, jumud dan taqlid ini telah tersebar bukan setakat kepada masyarakat awam umat Islam, bahkan turut merebak di kalangan fuqaha yang sepatutnya bertindak sebagai inteligensia Muslim membangun sistem fiqh yang *up-to-date*, yang kemudiannya pula telah menimbulkan beberapa kesan buruk,⁴² seperti:

- (a) Kecenderungan ini telah menimbulkan suatu kekosongan fikiran yang berbentuk ilmu. Kekosongan ini kemudiannya telah direbut atau diambil peluang oleh aliran politik luar seperti Komunis, Sekularisme dan sebagainya.
- (b) Kecenderungan ini menyebabkan berlakunya kesempitan dalam pelaksanaan hukum Islam, yang hanya dibataskan kepada bidang undang-undang kekeluargaan sahaja.

³⁹ S. Waqar Husaini, *Islamic Environmental System Engineering*, London, 1980 dan Abdul Hamid Sulayman, *The Islamic Theory of International Relations: New Directions for Islamic Methodology and Thought*, London, 1987.

⁴⁰ Lihat Mohamad Kamil Ab. Majid, *Tajdid, Perspektif Sejarah dan Masa Kini*, Kuala Lumpur, 2000, hlm. 10-18.

⁴¹ Zakaria Stapa, *Masyarakat Islam*, hlm. 50-66.

⁴² Maklumat lanjut boleh didapati dalam Rahimin Affandi Abdul Rahim, "Gerakan Tajdid di Malaysia: Teori dan Realiti", dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 102-103.

- (c) Kecenderungan ini juga menjadi sebab lahirnya tindak balas yang berlebihan dari sesetengah pihak sehingga mereka mahu mengikut model Barat secara mutlak tanpa menilai kesesuaiannya dengan lunas-lunas Islam dan perkiraan ketimuran.

Konsep Budaya Berfikir Islam: Suatu Analisa

Pada dasarnya, usaha untuk membangun dan memperjelaskan konsep berfikir Islam ini boleh dianggap sebagai rentetan daripada proses pembangunan kerangka ilmiah Islam yang wujud secara kasarnya akibat dari gerakan kebangkitan Islam di dalam tahun-tahun 1970an hingga 1980an.⁴³ Kesedaran kebangkitan Islam antara lainnya menekankan bahawa sesuatu perjuangan Islam sepatutnya tidak dibuat secara retorik semata-mata, bahkan patut dirancang secara tersusun dan terperinci dengan menyediakan suatu bentuk blueprint yang lengkap.⁴⁴ Usaha yang cuba membangunkan kaedah berfikir Islam ini diakui masih lagi belum sempurna, yang perlu diperlengkapkan lagi oleh sarjana lain dengan pendekatan yang lebih terbuka.⁴⁵

Dalam proses menerangkan budaya berfikir Islam ini perbincangan tidak akan terhad kepada pandangan sarjana Islam semata-mata, bahkan juga akan mengambilkira pendekatan selektif seperti yang terkandung di dalam gagasan *Islamization of knowledge*. Menurut gagasan ini kita terpaksa menerima pandangan

⁴³ Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Etika Penyelidikan Islam: Satu Analisa", dalam Jurnal *AFKAR*, bil. 1, 2000, hlm. 179-182.

⁴⁴ Muhammad Kamal Hasan, *Toward Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysia*, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 56-57 dan 93-97.

⁴⁵ Dalam konteks Malaysia, terdapat beberapa sarjana yang telah cuba membangunkan usaha ini, seperti Wan Mohd Nor Wan Daud dalam bukunya, *Pembangunan di Malaysia: Ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*, Kuala Lumpur, 2001, Mohd Yusof Othman dalam bukunya *Isu-isu Dalam Ilmu dan Pemikiran*, Kuala Lumpur, 1998 dan Abdul Rahman Abdullah dalam bukunya *Falsafah dan Kaedah Pemikiran*, Kuala Lumpur, 2001.

Barat yang difikirkan baik dengan tapisan yang cukup teliti,⁴⁶ khususnya terhadap nilai-nilai anti agama (sekularisme) yang terkandung di dalam model pemikiran Barat.⁴⁷

Untuk memperjelaskan konsep ini, perbincangan akan cuba dibahagikan kepada beberapa pecahan dan butiran yang utama yang secara langsung menyentuh tentang mekanisme berfikir ala Islam.

(a) Kemampuan dan potensi akal manusia.

Bersesuaian dengan pandangan Islam yang menganggap Qur'an sebagai sumber utama ilmu pengetahuan yang dianugerahkan Allah kepada manusia,⁴⁸ Tuhan dan Zat yang Maha Agung, kita terpaksa bergantung kepada penerangan al-Qur'an untuk mengetahui tentang kemampuan dan potensi akal fikiran manusia. Penerangan al-Qur'an ini perlu dikaji secara terperinci dan saintifik⁴⁹ serta tidak boleh terhenti setakat itu sahaja seperti mana dipercayai oleh pendokong aliran taqlid di kalangan umat Islam.⁵⁰

Secara jelas kita terpaksa mengakui dan meniru sifat positif yang diamalkan oleh sarjana Barat yang bersifat terbuka dan berterusan di dalam mengkaji sesuatu fenomena alam dan otak manusia itu sendiri,⁵¹ sehingga usaha ini mampu membangunkan

⁴⁶ Lihat Zaini Ujang, "Tinjauan Terhadap Pendidikan Bersepadu: Suatu Sorotan Dalam Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar", dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, v. 2, bil. 1, 1989, hlm. 39-42.

⁴⁷ Lihat sebagai contohnya kupasan yang dibuat oleh Muhammad Zaini Uthman, "Islam, Sains dan Pemikiran Objektif: Suatu Perbandingan Ringkas", dalam *Jurnal YADIM*, bil. 2, November 2001, hlm. 146-148.

⁴⁸ Ramli Awang, *Tasawwur Rabbani Menurut al-Qur'an dan Sunnah*, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 179-187.

⁴⁹ Abul Quasem Muhammad, *Muliara al-Qur'an*, Kuala Lumpur, 1987, hlm. x dan M. Quraisy Shihab, *Membumikan al-Qur'an*, Bandung, 1992, hlm. 41.

⁵⁰ Imran Ahsan Nyazee, "The Scope of Taqlid in Islamic Law", dalam *Islamic Studies*, v. XX11, no. 4, 1983, hlm. 9-10.

⁵¹ Maklumat lanjut tentang kajian sarjana Barat tentang potensi akal manusia boleh didapati dalam Abdul Rahman Abdullah, *Falsafah dan Kaedah Pemikiran*, Kuala Lumpur, 2001, hlm. 8-15.

tamadun material yang cukup hebat.

Berdasarkan penerangan al-Qur'an, kemampuan akal manusia adalah cukup tinggi, hinggakan ianya mengatasi kemampuan makhluk Allah yang lain, termasuklah haiwan, malaikat dan syaitan itu sendiri.⁵² Apa yang lebih penting lagi, bersesuaian dengan konsep budaya ilmu Islam, potensi akal ini bukan hanya perlu diketahui secara kosong semata-mata bahkan perlu terus dibangunkan melalui penyelidikan ilmiah untuk diterapkan kepada institusi pendidikan.⁵³

Antara kemampuan akal manusia yang diterangkan oleh al-Quran terdiri dari:

- (i) Kemampuan melihat dan merenung sesuatu fenomena di alam ini.⁵⁴ Ianya termasuk kemampuan mengaitkan hubungan antara sebab dengan akibat dan menyingkap pelbagai faktor lain yang menyebabkan akibat tersebut.⁵⁵
- (ii) Kemampuan mentafsir dan menganalisa sesuatu fenomena yang ditanggap oleh pancaindera lain. Ianya termasuklah keupayaan untuk memahami hikmah sesuatu perkara yang berlaku daripada peringkat teori yang bersifat abstrak dan mengubahnya menjadi sesuatu yang praktikal untuk diamalkan, memperbaiki dan memperkembangkannya untuk tujuan kehidupan.⁵⁶
- (iii) Kemampuan merakam maklumat yang dilalui oleh proses (i) dan (ii) serta mengingat semula apabila diperlukan untuk kegunaan menyelesaikan masalah.⁵⁷
- (iv) Kemampuan membuat andaian dan ramalan tentang apa

⁵² Abdul Mujib, M. Ag., *Fitrah dan Keperibadian Islam: Sebuah Pendekatan Psikologis*, Jakarta, 1999, hlm. 49-55.

⁵³ Majid Ersan Kailani, *Mendidik Peribadi*, terj. Muhammad Firdaus, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 14-15.

⁵⁴ Al-Qur'an 4:82; 47:22-24.

⁵⁵ Al-Qur'an 29:30; 16:78.

⁵⁶ Al-Qur'an 2:164.

⁵⁷ Al-Qur'an 3:190-191.

yang bakal terjadi di masa depan. Hal ini kelihatan dengan penekanan yang diberikan oleh al-Qur'an terhadap subjek sejarah umat nabi-nabi terdahulu,⁵⁸ untuk diambil iktibar oleh umat Islam bagi merangka program perancangan masa depan dengan lebih baik dan terancang.⁵⁹

- (v) Kemampuan tafakur untuk tujuan muhasabah diri, menambah pengetahuan dan meningkatkan tahap keimanan kepada Allah.⁶⁰ Dalam soal ini sarjana Islam telah memecahkan kemampuan ini kepada enam perkara,⁶¹
 - (a) Bertafakur tentang nikmat kurniaan Allah.
 - (b) Bertafakur tentang luasnya ilmu Allah.
 - (c) Bertafakur tentang kelalaian diri dan akibat daripadanya.
 - (d) Bertafakur tentang kefanaan kehidupan duniawi.
 - (e) Bertafakur tentang maut yang pasti dilalui oleh setiap insan.
 - (f) Bertafakur tentang akhlak, amalan dan hukuman yang bakal diterima.

Seterusnya, mengikut pendekatan ilmiah Islam, sebelum kemampuan akal manusia ini dipergunakan melalui beberapa proses tertentu, beberapa perkara penting perlu dimaklumi oleh manusia, antaranya adalah;

Pertama, kepentingan memberikan punca dan sumber tenaga untuk semua elemen diri manusia, yang terdiri dari roh, jasad dan akal. Semua elemen ini yang dikategorikan sebagai unsur manusia dan haiwan dalam diri manusia,⁶² perlu diberikan sumber tenaga

⁵⁸ Al-Qur'an 42:13.

⁵⁹ Abdul Halim el-Muhammady, *Tasawwur Islam: Huraian Konsep dan Implikasi Dalam Kehidupan*, Kuala Lumpur, 2002, hlm. 95-107.

⁶⁰ Al-Qur'an 51:20-21.

⁶¹ Abdul Rahman Abdullah, *Falsafah dan Kaedah Pemikiran*, Kuala Lumpur, 2001, hlm. 90-91.

⁶² Maklumat yang cukup baik dalam soal ini boleh didapati dalam Saedah Siraj, *Pendidikan Rumah tangga*, Kuala Lumpur, 2001, hlm. 3-5.

yang baik untuk membolehkannya berfungsi dengan cukup baik. Dalam soal ini, seperti mana jasad memerlukan makanan dan minuman, roh memerlukan ibadat dan ketaqwaan kepada Allah, maka akal pula memerlukan ilmu pengetahuan sebagai input utama untuk membolehkannya bergerak.⁶³ Usaha berfikir tanpa proses pembelajaran yang menyerapkan ilmu pengetahuan, khususnya daripada sumber wahyu akan menimbulkan sifat kekeliruan yang cukup merbahaya.⁶⁴

Keduanya, kepentingan penjagaan elemen batin dan fizikal akal manusia. Atas dasar inilah kita mendapati bagaimana syariah Islam mengharamkan sebarang tindakan yang boleh merosakkan potensi akal yang berupa arak dan dadah, yang menimbulkan kerosakan kepada sel otak manusia.⁶⁵ Antara contoh lain adalah tindakan Islam yang menetapkan kesahihan dan kewarasan akal sebelum sesuatu taklif syarak dikenakan kepada seseorang. Akhir sekali, kita boleh melihat bagaimana akal manusia telah dijadikan sebagai salah satu neraca terpenting yang perlu dijaga oleh syariah, melalui konsep *masalahah darūriyyah*.⁶⁶

Ketiganya, kepentingan untuk mengetahui hiraki ilmu-ilmu terpenting dan mempelajarinya untuk membina potensi akal dan intelek yang sihat. Proses pembinaan intelek yang sebenar akan berjalan lancar apabila seseorang itu mempelajari tiga jenis ilmu yang utama; (i) ilmu kesempurnaan intelek dan kewajipan roh (Usuluddin), (ii) ilmu tindakan dan kewajipan hati (akhlak dan Tasawwuf) dan (iii) ilmu mengenai tindakan dan kewajipan dalam

⁶³ Abdul Mujib, M. Ag., *Fitrah dan Keperibadian Islam: Sebuah Pendekatan Psikologis*, Jakarta, 1999, hlm. 40-47.

⁶⁴ Pandangan ini selalu diutarakan oleh Syed Muhammad Naquid al-Attas, lihat sebagai contohnya kupasannya tentang penyakit kekeliruan ilmu yang menyebabkan krisis murtad melanda masyarakat Melayu Islam di Malaysia, dalam Mohd Farid Mohd Shahrin, *ABIM 30 Tahun, Beberapa Isu Penting Sepanjang Tiga Dekad*, Kuala Lumpur, 2001, hlm. 28-30.

⁶⁵ Abdul Mujib, *Fitrah dan Keperibadian Islam: Sebuah Pendekatan Psikologis*, hlm. 148-149.

⁶⁶ Maklumat lanjut boleh didapati dalam Iskandar Usman, *Istihsan dan Pembaharuan Hukum Islam*, Jakarta, 1994, hlm. 74-84.

kehidupan lahiriah (Syariah dan semua yang berkait dengan kemahiran kehidupan).⁶⁷ Secara jelasnya, pendekatan yang memisah-misahkan antara ketiga-tiga ilmu ini tidak dibenarkan di dalam Islam, sebaliknya ianya perlu dipelajari secara bersepadu, bagi memastikan pembinaan potensi akal yang sihat yang mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Allah.

Keempatnya, kepentingan mengetahui sifat-sifat golongan yang sesat (*ashāb al-shimāl*)⁶⁸ dan golongan yang berjaya (*ashāb al-yamīn*)⁶⁹ yang dicerakinkan dengan cukup terperinci di dalam al-Quran, untuk tujuan pengiktibaran di dalam sesuatu proses berfikir. Sebagai contohnya, kita dituntut untuk menjauhi dari mengikut dan meniru sifat-sifat golongan yang sesat, yang digambarkan sebagai;

- i. Golongan kaya berpengaruh yang hidup mewah, melakukan dosa besar dan menyekat perintah Allah daripada sampai kepada orang ramai.⁷⁰
- ii. Golongan yang engkar dengan perintah Allah dan menjadikan taghut (apa sahaja yang berlawanan dengan perintah Allah) sebagai pemimpin mereka.⁷¹
- iii. Golongan yang bertindak mengikut hawa nafsu dengan meninggalkan perintah dan larangan Allah.⁷²

(b) Aturan dan Pola berfikir ala Islam.

Dalam soal aturan berfikir ini, kita boleh mengambil iktibar induktif dari penerangan al-Qur'an yang mengutuk beberapa aturan berfikir yang tidak sihat dan boleh menyesatkan seseorang. Secara khusus al-Qur'an telah menerangkan tiga bentuk dan aturan berfikir yang tidak sihat, yang amat perlu dijauhi oleh manusia, iaitu;

⁶⁷ Saedah Siraj, *Pendidikan Rumahtangga*, hlm. 15-20.

⁶⁸ Al-Qur'an 56:9 dan 41.

⁶⁹ Al-Qur'an 56:8, 27 dan 38.

⁷⁰ Al-Qur'an 56:45; 89:7-8; 29:24; 28:4 dan 38-41.

⁷¹ Al-Qur'an 2:257; 4:60 dan 5:60.

⁷² Al-Qur'an 47:14-16; 2:124; 26:183; 27:14; 38:28.

- i. Berfikir tanpa penggunaan pertimbangan yang waras yang menggunakan paradigma taqlid.⁷³
- ii. Berfikir secara pertimbangan yang singkat dan tergesa-gesa.⁷⁴
- iii. Berfikir tanpa bantuan pakar dan berasaskan maklumat yang tidak tepat yang tidak diselidiki dengan lebih lanjut.⁷⁵

Jadi, sebagai ganti kepada ketiga-tiga aturan berfikir di atas, berasaskan semangat al-Qur'an sendiri, kita perlu menggunakan aturan berfikir secara ilmiah yang dipakai dalam pendekatan Barat dengan sedikit pembaikan. Antara kaedah ilmiah yang diperlukan untuk sesuatu proses penyelesaian masalah adalah:⁷⁶

- i. Mengenalpasti dan memahami premis masalah.
- ii. Mencari sebab dan punca masalah.
- iii. Merancang dan menilai cara penyelesaian yang terbaik, yang didapati dari proses (i) dan (ii).
- iv. Membuat kesimpulan terhadap sesuatu penyelesaian masalah.

Di dalam tradisi pendidikan Islam, secara khususnya merujuk kepada amalan pedagogi yang diamalkan pada zaman kegemilangan Islam,⁷⁷ kita akan mendapati bagaimana bukan setakat kesemua pendekatan penyelesaian masalah di atas telah secara kritikal dilaksanakan,⁷⁸ bahkan kurikulum yang di amalkan amat

⁷³ Al-Qur'an 17:36.

⁷⁴ Al-Qur'an 24:15-17.

⁷⁵ Al-Qur'an 4:83.

⁷⁶ Maklumat lanjut tentang kaedah ini boleh didapati dalam Abdul Rahman Abdullah, *Falsafah dan Kaedah Pemikiran*, hlm. 146-147; lihat juga Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Etika Penyelidikan Islam", hlm. 180-181.

⁷⁷ Maklumat lanjut tentang pelbagai bentuk institusi pendidikan Islam yang pernah wujud di zaman silam, sila lihat Fadzlullah Haji Shuib, *Kece-mertangan Ilmu*, hlm. 118-139.

⁷⁸ Maklumat lanjut boleh didapati dlm Amir Mu'allim dan Yusdani, *Konfigurasi Pemikiran Hukum Islam*, Yogyakarta, 1999, hlm. 31-33, 64-67.

menekankan kepada proses latihan budaya berfikir yang kritikal.⁷⁹ Lebih tepat lagi institusi pendidikan Islam bertujuan bukan setakat melahirkan insan yang berilmu, tetapi apa yang lebih penting lagi adalah bagi melahirkan golongan intelektual yang mampu bertindak menggunakan daya intelektual (daya kognitif akal yang kritikal).⁸⁰ Atas dasar inilah kita mendapati kurikulum pendidikan Islam silam merangkumi;

- i. Kaedah hafalan bagi latihan menghidupkan potensi akal untuk merakam dan mengingat sesuatu fakta dengan tepat dan betul.⁸¹
- ii. Kaedah Mantik yang mengajarkan tentang asas dan pendekatan yang paling betul untuk menilai kebenaran dan kesalahan sesuatu fakta yang diperolehi.⁸²
- iii. Kaedah melatih proses kognitif dan penganalisan kritikal terhadap sesuatu fakta membabitkan perbincangan (*jadali*) secara terbuka, menekankan hujah naqli dan aqli (*tarjih*) dan kesesuaian hujah dengan realiti yang ada.⁸³
- iv. Kaedah sintesis yang mengadunkan sesuatu karya dan pendapat berasaskan kepada hasil perbincangan dengan pelbagai pihak yang benar-benar pakar.⁸⁴ Ini termasuklah proses memperbaiki⁸⁵ dan mengemaskinikan mana-mana

⁷⁹ Hasan Langgulung, *Asas-asas Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 343-344.

⁸⁰ Azra Azyumardi, *Esei-esei Intelektual Muslim dan Pendidikan Islam*, Jakarta, 1999, hlm. 43-47.

⁸¹ *Ibid*, hlm. 89-90.

⁸² Mat Rofa Ismail, *Mantik Dalam Babak Pemikiran Ilmiah Tamadun Manusia*, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 28-39.

⁸³ Azra Azyumardi, *Esei-esei Intelektual Muslim dan Pendidikan Islam*, hlm. 37-42.

⁸⁴ Abdullah Alwi Haji Hassan, "Penyelidikan Sebagai Asas Kemantapan Pengajian Syariah", hlm. 15-19.

⁸⁵ Maklumat lanjut tentang pendekatan ini yang diamalkan oleh sarjana Islam boleh didapati dalam Abd. Halim Ramli, "Islamisasi Ilmu Dalam Tradisi Intelektual Muslim Klasik", dalam *Jurnal Tasawwur Islam*, v. 3, 1997, hlm. 96-104.

pendapat yang masih lagi kabur dan tidak matang.⁸⁶

Mengikut pendapat Abdul Majid Kailani perincian tentang pola dan budaya berfikir Islam yang sihat adalah merujuk kepada:⁸⁷

- i. Membiasakan berfikir secara autokritik menggantikan kaedah berfikir secara bentuk pembenaran. Kaedah pembenaran ini merujuk kepada cara berfikir yang tidak mengakui kelemahan diri sendiri, suka berdolah-dalih dan mengaitkan sesuatu kelemahan orang lain, kerana pada anggapannya dirinya serba cukup dan sempurna.⁸⁸
- ii. Membiasakan berfikir secara menyeluruh menggantikan berfikir secara sebahagian.⁸⁹ Pemikiran secara menyeluruh ini merujuk kepada pengetahuan terhadap sesuatu secara mendalam dengan mengetahui ciri-ciri, perincian dan hubungannya diantara perincian tersebut.⁹⁰
- iii. Membiasakan berfikir secara reformatif menggantikan berfikir secara jumud dan tradisional.⁹¹
- iv. Membiasakan berfikir secara ilmiah menggantikan berfikir secara prasangka⁹² dan mengikut hawa nafsu.⁹³
- v. Membiasakan berfikir secara kolektif menggantikan berfikir secara bersendirian.⁹⁴
- vi. Membiasakan berfikir sesuai dengan hukum alam menggantikan berfikir secara supra rasional dan tahyul.⁹⁵

⁸⁶ Fadzlullah Haji Shuib, *Kecemerlangan Ilmu*, hlm. 52-57.

⁸⁷ Majid Ersan Kailani, *Mendidik Peribadi*, terj. Muhammad Firdaus, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 20-30.

⁸⁸ Al-Qur'an 42:30; 53:32; 7:22-23.

⁸⁹ Al-Qur'an 10:39.

⁹⁰ Al-Qur'an 3:7 dan 2:256.

⁹¹ Al-Qur'an 43:23 dan 2:170.

⁹² Al-Qur'an 17:36 dan 18:15.

⁹³ Al-Qur'an 53:23 dan 28.

⁹⁴ Al-Qur'an 8:25.

⁹⁵ Al-Qur'an 33:38.

Halangan Ke Arah Kewujudan Budaya Berfikir Islam

Mengikuti pengamatan sarjana Islam terdapat beberapa faktor yang melemahkan dan mematikan budaya berfikir Islam, antaranya, pertama, sikap malas sarjana Islam untuk berfikir secara sihat, yang kemudiannya ditiru oleh masyarakat awam. Bagi Majid Kailani, hal ini ditegaskan dengan, "kemampuan akal lahir dan tersembunyi dalam diri manusia. Ia tumbuh dan berkembang dengan baik melalui pemeliharaan dan pendidikan. Ia menjadi lemah, bahkan mati disebabkan kelalaian, salah penggunaan, salah didik, tingkah laku yang rosak atau suasana autokratik yang menindas. Isyarat tentang masalah ini telah disimpulkan oleh Allah dengan firmanNya: "*Sekali-kali tidak demikian, sebenarnya apa yang mereka usahakan itu menutupi hati mereka.*" (Al-Qur'an 83:14)"⁹⁶

Faktor kedua adalah ketiadaan suasana persekitaran yang mengalakkan kemerdekaan berfikir. Hal ini merangkumi sebagai contohnya di dalam sosiologi pendidikan keluarga dan sistem pendidikan yang mengamalkan paradigma taqlid. Untuk contoh sosiologi kekeluargaan masyarakat, rata-ratanya anggota keluarga telah dilatih supaya tidak berfikiran terbuka, membantah dan mengkritik semua arahan yang diberikan oleh ketua keluarga, walaupun ianya bertentangan dengan akal yang waras.⁹⁷

Manakala bagi contoh yang kedua pula, sistem pendidikan Islam telah tidak mengamalkan budaya berfikir yang kritikal dan sebaliknya menekankan paradigma ala taqlid. Dilihat kepada pedagogi pendidikan Islam, pendekatan pengajian hanya bertumpu kepada dua bentuk semata-mata, (i) hanya memerhatikan kemampuan menghafal dan (ii) merendahkan nilai kemampuan akal dan mengabaikannya sama sekali. Akibat dari pendekatan ini telah menjadikan "(i) perhatian hanya tertumpu kepada penyampaian daripada pengajar dan pelajar menghafal apa yang disampaikan oleh pengajar tersebut. Perkara yang disampaikan oleh pengajar tiada hubungan dengan kenyataan hidup yang

⁹⁶ Majid Kailani, *Mendidik Peribadi*, hlm. 32.

⁹⁷ *Ibid.*, hlm. 37.

sebenarnya, malah jauh dari persoalan nyata yang dihadapi oleh masyarakat. (ii) pelajar dalam sistem pendidikan ini hanya berperanan sebagai pendengar yang baik. Mereka hanya diminta mengulang kembali apa yang telah mereka dengar. Mereka tidak mempunyai kesempatan untuk mengamal, menganalisis, memikir, mentelaah, mengadakan renungan dan mengembangkan pemahaman itu dengan baik.”⁹⁸

Dewasa ini, terdapat kecenderungan di kalangan pelajar institusi pendidikan Islam memilih bidang pengkhususan selain bidang falsafah dan pemikiran, yang kononnya menjanjikan pulangan yang baik untuk sektor kerjaya. Sepatutnya hal ini tidak berlaku kerana mengikut pandangan epistemologi Islam kedua-dua bidang syariaah dan usuluddin mempunyai kepentingan yang sama dan saling berkait antara satu sama lain.⁹⁹ Bahkan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa bidang falsafah adalah lebih penting, kerana ianya mengajarkan kepada pelajar tentang kaedah pemikiran yang betul yang diperlukan bagi menjadikan seseorang Muslim sebagai intelektual masyarakat yang kompeten.¹⁰⁰ Atas dasar inilah telah mendorong beberapa IPTA dan IPTS tempatan untuk mengadakan subjek Problem Based Learning (PBL), iaitu kaedah kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah di institusi terbabit.¹⁰¹ Sepatutnya, pertindihan subjek ini tidak berlaku kerana intipati subjek PBL ini telah terkandung di dalam kurikulum pendidikan Islam.

Faktor ketiga adalah dasar pemerintah yang inginkan kemajuan masyarakat,¹⁰² yang mana tanpa disedari telah

⁹⁸ *Ibid.*, hlm. 43-44.

⁹⁹ Saedah Siraj, *Pendidikan Rumahtangga*, hlm. 14-20.

¹⁰⁰ Azra Azyumardi, *Esei-esei Intelektual Muslim dan Pendidikan Islam*, hlm. 43-47.

¹⁰¹ Untuk maklumat lanjut: lihat Mohamad Mohsin Mohamad, “Kemahiran Berfikir di Alaf Baru”, dalam *Pengajian Umum di Alaf Baru*, ed. oleh Abdul Latif Samian dan Mohamad Sabri Haron, Bangi, 2000, hlm. 195-204.

¹⁰² Muhammad Abu Bakar, “Pendirian dan Pembangunan: Islamisasi dan Isu-isu Semasa, Dengan Rujukan Kepada Tugas Generasi *Ulul Albab* Dalam Abad ke-21” dalam *Islam dan Masyarakat Maju*, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 39-48.

memungkinkan kewujudan suasana yang anti pemikiran yang waras dan saintifik. Hal ini secara jelas terjelma dalam beberapa perkembangan khusus:

- i. Penumpuan yang lebih tinggi diberikan kepada bidang selain dari pengembangan ilmu pengetahuan di dalam masyarakat, iaitu memberikan tumpuan dan penghormatan yang berlebihan kepada bidang sukan dan hiburan, walaupun kedua-duanya dilihat untuk jangka masa panjangnya tidak memberikan pulangan yang sewajarnya.¹⁰³
- ii. Mengalakkan penyebaran segala bentuk hiburan yang melampau, yang pada dasarnya boleh menumpulkan daya intelektual akal golongan remaja Islam.¹⁰⁴ Dalam banyak hal penyebaran seni hiburan yang keterlaluan ini telah dikaitkan dengan taktik utama gerakan Zionisme Sedunia yang bertujuan melemahkan daya ketahanan dan intelektual ummah, yang dicatatkan menekankan "agar orang ramai itu sendiri tidak dapat mengagak apa yang sebenarnya diberikan kepada mereka, kita akan terus mengalihkan pandangan mereka daripadanya dengan memberikan hiburan-hiburan, permainan-permainan, hobi, keghairahan, istana-istana.... tidak lama kemudian, di akhbar kita akan mula menganjurkan peraduan-peraduan di dalam bidang kesenian, kesukanan dan yang sepertinya; minat di dalam perkara-perkara ini akan dapat mengalihkan perhatian mereka daripada persoalan yang mungkin memaksa kita untuk menyanggahnya."¹⁰⁵
- iii. Dasar yang tidak mengalakkan kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat yang amat diperlukan sebagai

¹⁰³ Untuk kupasan yang cukup bernas dalam soal ini sila lihat Wan Mohd Nor Wan Daud, *Pembangunan di Malaysia: Ke Arah Satu Kefahaman Baru*, hlm. 125-129.

¹⁰⁴ Maklumat lanjut boleh didapati dalam Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Krisis Remaja dan Media Massa di Malaysia: Suatu Tinjauan Dari Perspektif Islam", dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 10, 1999, hlm. 125-134.

¹⁰⁵ Maklumat lanjut boleh didapati dalam Abdul Rahman Abdullah, *Falsafah dan Kaedah Pemikiran*, hlm. 145.

latihan asas untuk suatu proses pemikiran.¹⁰⁶ Banyak sekatan yang telah dibuat, kononnya demi untuk mengelakkan berlakunya suasana yang boleh mengugat ketenteraman awam masyarakat. Hal ini telah ditegaskan dengan cukup baik oleh Sidek Fadzil dengan memetik pendapat yang diberikan oleh Murtadha Mutahhari, "dasar Murjiah ini yang ditaja oleh kerajaan Bani Umayyah mengandungi mesej bahawa kezaliman penguasa tidak harus dikritik selagi mereka masih beriman. Langkah ini seolah-olah memaksa rakyat menganut aliran tajaan pemerintah semata-mata untuk kepentingan politiknya bererti menutup minda rakyat. Dalam perkembangan mutakhir, amalan semacam memaksa sesuatu aliran pemikiran ini sering kali dilakukan juga oleh Media massa."¹⁰⁷

- iv. Terdapat kecenderungan masyarakat yang memberikan tumpuan yang lebih kepada persoalan politik kepartian mengatasi persoalan intelektualism. Hal ini telah diamalkan oleh semua parti politik, yang mana untuk jangka panjang telah mengajar masyarakat untuk bersikap fanatik, bisu dan tidak peka dengan pendapat yang benar yang diberikan oleh parti politik lain. Hal ini ditegaskan oleh Abdul Rahman Embong, katanya, "apabila faham kepuakan berasaskan parti menguasai pemikiran seseorang pengikut, maka kebenaran itu dilihat berasaskan apa yang ditafsirkan oleh parti dan pemimpinnya. Mereka tidak diasuh untuk berfikir secara kreatif, kritis dan strategik di luar bingkai kepentingan politik. Kesannya mereka tidak mampu berjiwa besar dan berfikiran luas untuk mengangkat jiwa dan minda mereka melepasi kepentingan parti tadi untuk melihat secara keseluruhan."¹⁰⁸

¹⁰⁶ Majid Kailani, *Mendidik Peribadi*, hlm. 32.

¹⁰⁷ Sidek Fadzil, "Minda Muslim", hlm. 8-9.

¹⁰⁸ Abdul Rahman Embong, "Faktor Ideologi Politik dan Budaya Dalam Penutupan Minda Melayu Islam", dalam *Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, pada 29-31 Januari 2002, hlm. 10-11.

Faktor keempat pula merujuk kepada serangan fahaman sekularisme anti agama yang dibawa dengan perkembangan Globalisasi semasa.¹⁰⁹ Kita akui, selain dari membawakan kesan yang positif untuk perkembangan Islam,¹¹⁰ gejala globalisasi ini jika dirujuk kepada usaha meningkatkan budaya berfikir Islam, ia adalah amat mendukacitakan sekali. Hal ini boleh diperjelaskan dengan mengkaji secara kritikal terhadap perkembangan budaya *consumerism* ala-Barat yang dibawa oleh gelombang globalisasi.¹¹¹

Pada dasarnya terdapat dua perkara negatif yang boleh dilihat dalam konteks ini. Pertamanya, fahaman yang menganggap bentuk kebudayaan dan produk Barat sebagai maju, baik dan berperi kemanusiaan.¹¹² Hal ini menyebabkan timbul kecenderungan yang menyatakan bahawa bukti kejayaan hidup seseorang itu boleh dilihat dari amalan dan perlakuannya yang mengilai segala bentuk barangan produk Barat, yang kerap dianggap sebagai budaya *Americanisation* dan *Macdonaldisation*.¹¹³ Keduanya adalah sikap yang terlalu mendewa-dewakan artis dan produk hiburan Barat yang ditaja oleh kesemua media massa perdana,¹¹⁴ sebagai keperluan hidup zaman moden yang harus ditiru, tanpa

¹⁰⁹ Hashim Musa, *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam*, hlm. 36.

¹¹⁰ Zulkiple Abdul Ghani, "Imperatif Multimedia Dalam Pembangunan Ummah", dalam *Multimedia dan Islam*, Kuala Lumpur, 1999, hlm. 15-29 dan "Teknologi Maklumat: Hubungannya Dengan Perkembangan Hukum Islam Semasa", dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur, 1999, hlm. 145-152.

¹¹¹ Hassan Langgulung, *Menghadapi Abad Kedua Puluh Satu*, Syarahan Perdana jawatan Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 29 Oktober 1987, Bangi, 1993, hlm. 31.

¹¹² Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Orientalisme dan Keutuhan Ummah Islam: Satu Analisis", dalam *Jurnal Syariah*, v. 9, bil. 1, 2001, hlm. 39-40.

¹¹³ Abdul Rahman Embong, "Faktor Ideologi", hlm. 6-7.

¹¹⁴ Libat Salasiah Abd. Wahab, "Madonna, Pascamoden dan Kebudayaan Popular", dalam *Jurnal YADIM*, bil. 2, 2001, hlm. 15-20.

memikirkan samada kedua-duanya boleh menyumbangkan kepada usaha pengisian minda dan budaya berfikir yang sihat.¹¹⁵

Kesimpulan

Harga diri dan nilai seseorang manusia di sisi Allah terletak kepada iman, ilmu dan sifat taqwa yang dimilikinya. Ketiga-tiga elemen ini boleh dicapai dengan menggunakan anugerah Allah yang paling tinggi untuk makhluk, iaitu akal fikiran. Sebagai tanda kesyukuran hamba terhadap pemberian Allah yang tidak ternilai ini, seseorang itu perlu menjaga, menggunakan dan memperkembangkan potensi akal ini dengan sebaik mungkin, dengan menghidupkan budaya berfikir ala Islam yang sihat di dalam kehidupan harian. Intipati daripada ajaran Islam ini kemudiannya perlu dilanjutkan dengan usaha membangunkan dan memperkembangkan budaya berfikir Islam yang lebih detail dan mendalam, yang sebaiknya dirangka dalam bentuk program bertindak yang lebih berkesan.

¹¹⁵ Lihat Shaharom TM Sulaiman, "Budaya Hiper dan Ekstasi Gaya Hidup Remaja Dalam Era Siber", dalam *Jurnal YADIM*, bil. 2, 2001, hlm. 1-12.